



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN



Tel : +605 501 5000
Faks : +605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Ruj. Kami: J.Pel.PK (KOKU) 4531/5/2 Jld. 6 (48)
Tarikh: 28 Rabiulakhir 1439H
16 Januari 2018

Pengetua / Guru Besar,
Sekolah Seluruh Negeri Perak.

Tuan,

PERTANDINGAN ROBOTIK LEGO EDUCATION "TUG OF WAR" SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2018

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan surat Persatuan Robotik Putrajaya PRA (24/2017) bertarikh 28 Disember 2017 dan surat Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.600.14/1/20 Jld.17 (31) bertarikh 14 Disember 2017 untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya.

3. Adalah dimaklumkan bahawa **Persatuan Robotik Putrajaya** dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sasbadi Holdings Berhad, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Malaya (UM) akan menganjurkan Pertandingan Robotik Lego Education "Tug Of War" Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2018.

4. Sehubungan itu, pihak jabatan ini memanjangkan makluman ini kepada sekolah yang berminat untuk menyertai pertandingan ini. Semua peraturan yang terkandung dalam pekeliling dan kenyataan media terkini yang sedang berkuatkuasa perlu dipatuhi antaranya **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000 - Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah.**

5. Penglibatan guru sekolah menengah adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017)** manakala guru sekolah rendah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2016 - Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017** berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



6. Sebarang pertanyaan, hubungi urus setia pertandingan, **Puan Rizawani Mustafa** di talian **012-2344972** atau **Encik Noor Faiz bin Zulkiflee** di talian **012-5796886** / syarat-syarat dan terma pertandingan boleh didapati dengan melayari laman sesawang https://drive.google.com/drive/folders/1gDamrzqanPFO6T7Ox_y8UWHzMP271qJv?usp=sharing. Sekolah yang berminat boleh membuat pendaftaran melalui laman sesawang <https://goo.gl/forms/aphmHzlFXuSErgdN2>

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”

Saya yang menurut perintah,




(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)
Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

- s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
2. Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak

Spk/koku/ain

PERSATUAN ROBOTIK PUTRAJAYA
A-10-15, PR1MA
No.1, Jalan P11E/1
Presint 11, 62350 Putrajaya
No.Tel: 019-6448959
Email:putrarobotica@gmail.com



Ruj. Kami : PRA (24/2017)
Tarikh : 29 Disember 2017

Pengarah
(Seperti Senarai Edaran)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERTANDINGAN ROBOTIK LEGO EDUCATION 'TUG OF WAR' PERINGKAT ANTARABANGSA
TAHUN 2018 SEMPERNA SAMBUTAN HARI WILAYAH**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Robotik Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sasbadi Holdings Berhad, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Malaysia (UniMy) akan menganjurkan Pertandingan Robotik LEGO Education 'Tug of War' Peringkat Antarabangsa Tahun 2018 Sempena Sambutan Hari Wilayah seperti ketetapan berikut:


Tarikh: 27 Februari 2018 (Selasa)
Tempat: Dewan Melati dan Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya
Masa: 7.30 pagi hingga 6.30 petang
Tarikh Tutup Pendaftaran: 18 Februari 2018 (Ahad)
Pautan Pendaftaran : <https://goo.gl/forms/aphmHzlFXuSErqdN2>
Terma dan Syarat:
https://drive.google.com/drive/folders/1qDamrzganPF06T70x_y8UWHzMP271gJv?usp=sharing

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon memaklumkan tentang program ini kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan, Maktab Rendah Sains Mara, Kolej Teknik dan Vokasional, dan sekolah swasta di bawah penyeliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pertandingan ini diadakan untuk meningkatkan penglibatan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta mencatat 'Malaysian Book Of Records' (MBOR) dengan penyertaan terbanyak iaitu 1000 unit robot.



PERSATUAN ROBOTIK PUTRAJAYA
A-10-15, PR1MA
No.1, Jalan P11E/1
Presint 11, 62350 Putrajaya
No.Tel: 019-6448959
Email:putrarobotica@gmail.com



5. Tiada yuran penyertaan dikenakan. Pengangkutan dan penginapan tidak disediakan oleh pihak penganjur. Makan minum bagi peserta dan mentor disediakan sepanjang pertandingan berlangsung.


6. Berserta dengan surat ini dilampirkan **Jadual Pertandingan** dan **Surat Kelulusan Penganjuran** daripada Bahagian Kokurikulum dan Keseniaan, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya. Sebarang maklumat lanjut, boleh hubungi **Puan Rizawani Binti Mustafa** di talian **012-2344972** dan **Encik Noor Faiz Bin Zulkiflee** di talian **012-5796886**.

Kerjasama dan maklum balas daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,




(RIZAWANI BINTI MUSTAFA)

Naib Presiden Persatuan Robotik Putrajaya

- s.k. 1. Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
2. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
3. Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
4. Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
5. Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA)

PERSATUAN ROBOTIK PUTRAJAYA
A-10-15, PR1MA
No.1, Jalan P11E/1
Presint 11, 62350 Putrajaya
No.Tel: 019-6448959
Email:putrarobotica@gmail.com




**PERTANDINGAN ROBOTIK LEGO EDUCATION 'TUG OF WAR'
PERINGKAT ANTARABANGSA TAHUN 2018 SEMPERNA SAMBUTAN
HARI WILAYAH**

JADUAL PERTANDINGAN

MASA	PERKARA
7.30 - 8.30 pagi	Pendaftaran & sarapan pagi
8.30 - 9.00 pagi	Taklimat pertandingan
9.00 pagi - 3.00 petang	Pertandingan antara kumpulan (Liga)
3.00 - 4.00 petang	Pertandingan Suku Akhir
4.00 - 4.45 petang	Pertandingan Separuh Akhir
4.45 - 5.00 petang	Persiapan Majlis
5.00 - 6.30 petang	Pertandingan Akhir (3 Kategori) Majlis Penyampaian Hadiah

PERSATUAN ROBOTIK PUTRAJAYA
A-10-15, PRIMA
No.1, Jalan P11E/1
Presint 11, 62350 Putrajaya
No.Tel: 019-6448959
Email:putrarobotica@gmail.com



SENARAI EDARAN


1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak,
01990 Kangar, Perlis.
Tel : 04-9761177
Faks : 04-9767080

2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan,
Jalan Stadium,
05604 Alor Star,
Kedah Darul Aman.
Tel : 04-7331311
Faks : 04-7317242

3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir,
11700 Pulau Pinang
Telefon : 04-6575500
Faks : 04-6582500

4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Telefon : 05-5015000
Faks : 05-5277273

5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3e,
Seksyen 4,
40604 Shah Alam,
Negeri Selangor Darul Ehsan
Telefon : 03-55186500
Faks : 03-55102133



KPM. 600.14/1/20 Jld. 17 (31)
Tarikh : 14 Disember 2017
25 Rabiulawal 1439 H

Pengerusi
Persatuan Robotik Putrajaya
A-10-15, Prima
No 1, Jalan P11E/1
Present 11,
62350 Putrajaya

Tuan,

**PERTANDINGAN ROBOTIK LEGO EDUCATION - TUG OF WAR PERINGKAT
ANTARABANGSA SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan mengalu-ngalukan kerjasama dan perkongsian pintar bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi luar. Oleh itu KPM tiada halangan menyokong pihak tuan untuk menganjurkan dan mempelawa sekolah-sekolah rendah dan menengah menyertai Pertandingan Robotik LEGO Education - Tug of War Peringkat Antarabangsa sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2018 iaitu pada **27 Februari 2018 (Selasa)**. Pertandingan ini adalah **terbuka** kepada semua murid sekolah rendah dan menengah Malaysia.

3. Walau bagaimanapun, penganjuran program tersebut adalah tertakluk di bawah Surat Pekeliling Iktisas Bil.9/2004, Ruj.KP (BS)8691/Jld.XVIII/(9) bertarikh 16 September 2004 - Panduan Penglibatan Murid-murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

4. Sehubungan itu, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi perkara-perkara berikut :

4.9 program yang dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan semua dasar kerajaan dan dasar KPM;

4.10 kebenaran daripada Pengarah JPN dan Pengetua/Guru Besar hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang program di sekolah atau yang melibatkan penyertaan guru dan murid;


- 4.11 penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 4.12 setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua dan Guru Besar masing-masing;
- 4.13 pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung;
- 4.14 tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program;
- 4.15 guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti dan
- 4.16 tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN dan PPD yang terlibat dengan pelaksanaan program yang dijalankan.

5. Kelulusan ini hanya merujuk kepada **Pertandingan Robotik LEGO Education Space Challenge - Tug of War** Peringkat Antarabangsa sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2018 iaitu pada 27 Februari 2018 (Selasa) bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah Malaysia dan berakhir pada 31 Disember 2018. Pihak tuan adalah dipohon menghantar laporan program mengikut format yang dilampirkan bersama-sama surat ini selepas program selesai dijalankan untuk tujuan rekod dan rujukan.

Sekian, terima kasih.

'SEHATI SEJIWA'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM'

Saya yang menurut perintah,



(ROZAINUM BINTI AHMAD)

Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)